

# Penafian Osman Saat bohong: Mahathir

Oleh Agoes Kholil B.H. 2 JAN 1993

LABUAN, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed menyifatkan penafian pemimpin Semangat 46 (S46) Johor, Tan Sri Osman Saat, berhubung pembabitan parti itu dalam menganjurkan perhimpunan di perkarangan Istana Johor 8 Januari ini, satu pembohongan.

"Dia (Osman) nak bohong dengan siapa? Kita tahu berapa banyak ahli S46 yang terbabit secara aktif, peguam S46 yang beri nasihat dan sebagainya. Kita tahu (semua itu)," katanya.

Perdana Menteri memberitahu pemberita demikian ketika diminta mengulas laporan mengatakan bekas Menteri Besar Johor itu menafikan parti itu terbabit menganjurkan perhimpunan itu.

Osman Saat dilaporkan menafikan pembabitan S46 menganjurkan perhimpunan yang dikaitkan dengan isu cadangan meminda perlembangan berhubung kekebalan raja-raja itu.

Bagaimanapun, Timbalan Ketua S46 Johor, Kahar Ahmad, semalam mengesahkan Osman dan dua lagi pemimpin S46 menemui Sultan Johor, dipercayai mengenai perhimpunan minggu depan.

Kahar juga mengesahkan partinya bertanggjawab menyebarkan risalah meminta orang ramai hadir di perjumpaan berkenaan.

Perdana Menteri yang mengakhiri lawatannya ke sini hari ini, bagaimanapun menyokong langkah Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yasin, menasihati sultan supaya membatalkan perhimpunan itu.

"Saya sokong dia (Muhyiddin) kerana ada pendirian," katanya.

Mengenai perubahan sikap Sultan Johor berbaik semula dengan Osman Saat, Perdana Menteri berkata, perkara itu adalah hak semua orang.

"Itu Sultan Johor punya hak nak berbaik dengan sesiapa pun," katanya.

Osman Saat pernah dihina secara terbuka oleh Sultan Johor dan dilucutkan semua darjah kebesaran.

Mengenai bantahan Majlis Peguam terhadap cadangan kerajaan meminda perlembagaan mengenai kekebalan raja-raja, Perdana Menteri berkata, beliau tidak terkejut dengan sikap mereka.

"Saya akan hairan benar kalau Majlis Peguam boleh setuju dengan apa yang kerajaan buat. Dia anggap dirinya sebagai pembangkang dan apa sahaja yang kerajaan buat, semua dia tidak setuju. Bagi saya tidak hairan sama sekali," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan berbincang de-

ngan Majlis Peguam untuk menjelaskan cadangan pindaan perlembagaan itu, Perdana Menteri berkata, langkah itu hanya membuang masa.

Mengenai Usno beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata Usno perlu kekal sebagai parti politik dan memastikan namanya 'tidak diambil' oleh orang lain.

"Saya rasa Usno harus dikekalkan dan terpaksa kekalkan nama itu. Kalau tidak, orang lain akan ambil nama itu," katanya kepada pemberita sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur di sini hari ini.

Beliau mengulas ketetapan persidangan khas Usno di Kota Kinabalu semalam bagi memenuhi syarat Akta Syarikat 1966 untuk mengelak ia dibatalkan.

Perwakilan juga melantik Ahli Parlimen Marudu yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Banggi, Datu Amir Kahar Tun Datu Mustapha sebagai presidennya.

Perdana Menteri juga berkata, BN sedia menghadapi pilihanraya mengejut di Sabah.

Menurutnya, BN dan Umno sudah sedia menghadapi kemungkinan Dewan Undangan Negeri Sabah dibubarkan bagi membolehkan Parti Bersatu Sabah (PBS) mengadakan pilihanraya.

Beberapa kalangan politik di Sabah meramalkan kerajaan PBS akan membubarkan DUN bagi membolehkan pilihanraya diadakan sebelum Parlimen meluluskan cadangan persempadanan baru kawasan pilihanraya.

PBS menganggap cadangan itu tidak menguntungkan dan lebih membahayakan Kerajaan Pusat.